

19/03/1998

Bil Gates jamin pelaburan maksimum (HL)

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Rabu - Pengerusi dan Ketua Eksekutif Microsoft, Bill Gates, hari ini memberi jaminan akan bekerjasama penuh bagi menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan menjanjikan pelaburan maksimum.

Selain itu, Gates juga sangat berminat menyertai program pendidikan negara terutama sekolah dan universiti bestari serta latihan tenaga kerja dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Jaminan itu diberikan oleh Gates kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan mereka kira-kira 40 minit di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

"Beliau sedia memberikan sokongan maksimum untuk menjayakannya," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menyatakan jumlah sebenar pelaburan Gates nanti kecuali memberitahu: "Beliau ada memberikan wang. Tetapi, biarlah beliau yang mengumumkan jumlahnya."

Sebelum itu, Gates menemui anggota Kabinet dan memberi taklimat mengenai konsep kerajaan elektronik. Beliau yang disenaraikan oleh majalah Forbes sebagai orang terkaya di dunia bagi 1996 and 1997 hasil empayar perisian komputernya itu, bercakap mengenai sistem digital dalam kerajaan.

Gates, 42, yang juga anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC tiba di sini pagi ini dalam rangka lawatan sehari sebagai sebahagian daripada kunjungannya ke rantau ini.

Dr Mahathir berkata, Gates juga memberikan penjelasan terperinci kepada beliau dan Kabinet mengenai Persekitaran Pejabat Generik (GOE), satu daripada aplikasi dalam konsep kerajaan elektronik yang dicadangkan oleh Microsoft.

Projek kerajaan elektronik adalah satu daripada tujuh aplikasi teras MSC yang akan dilaksanakan di Putrajaya, pusat pentadbiran baru Persekutuan di luar Kuala Lumpur, bertujuan meningkatkan prestasi perkhidmatan awam melalui penggunaan teknologi berasaskan maklumat dan multimedia.

"Beliau (Gates) bersedia bekerjasama, beliau akan memberikan pelaburan maksimum di sini bagi GOE serta komitmennya terhadap MSC," kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada ia bermakna Gates akan lebih kerap datang ke Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Sudah tentu... jika GOE akan dilaksanakan oleh Microsoft, beliau akan kerap berada di sini."

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan, dalam melaksanakan aplikasi teras kerajaan elektronik, kerajaan perlu membuat penilaian yang amat teliti.

"Kita tidak mahu menyebabkan orang kehilangan kerja dengan membuat keputusan yang mungkin menyebabkan tidak ramai yang boleh menyertainya.

"Jadi, kita meminta beliau memberikan penerangan lebih jelas mengenai apa yang boleh dilakukan. Ini sesuatu yang baru. Teknologi berubah dengan pesat, jadi kalau kita tidak jaga, kita mungkin tiba-tiba mendapati diri kita tidak berupaya untuk maju," katanya.

Kerajaan elektronik adalah satu daripada tujuh aplikasi MSC yang akan dilaksanakan di Putrajaya, pejabat pentadbiran pusat baru di luar Kuala Lumpur, yang bertujuan mempertingkatkan perkhidmatan awam melalui penggunaan teknologi berasaskan maklumat dan multimedia.

(END)